



**KESAL:** Nordin menunjukkan tapak sirih tanpa kacip yang dicuri, baru-baru ini.



**MENARIK:** Antara barang antik yang ditempatkan di 'Rumahku Muziumku' di Padang Temu.



**KHAZANAH LAMA:** Senjata berusia ratusan tahun.

NAZRI ABU BAKAR | BERITA HARIAN

B.H 6/6/07 M7

# 'Rumahku Muziumku' RM1 juta

Nordin Ali harap ada pihak bantu sediakan insurans lindungi khazanah berharga untuk tatapan generasi akan datang

**M**ELAKA: Bermula sebagai hobi dan sekadar 'suka-suka', aset yang dimiliki pemilik muzium persendirian 'Rumahku Muziumku' di Padang Temu di sini, Nordin Ali, 69, di sini dianggarkan melebihi RM1 juta.

Jumlah itu adalah berdasarkan perangkaan yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia menerusi banci Muzium 2007.

Dengan memiliki 1,400 unit barangan lama pelbagai jenis termasuk peluru Portugis berusia 500 tahun, radio lama berusia 100 tahun, pelbagai senjata termasuk keris, pedang, tom-bak, selain congkak lama, pelbagai jenis lampu lama seperti lampu kapal Belanda, lampu kereta lembu, jam lama, radio, peralatan kuih-muih, pakai-an dan peralatan persandingan baba nyonya serta pinggan mangkuk, pemiliknya tidak pernah menduga apa yang dimilikinya itu kini bernilai sehingga RM1,100,500.00.

Nordin berkata, ketika muzium persendirian itu baru ditubuhkan beliau hanya memiliki kira-kira 500 unit barangan dan ia sentiasa bertambah dari semasa ke semasa sehingga kini memenuhi setiap ruang rumahnya yang mendapat tumpuan pengunjung dari dalam dan luar negara sejak ia dirasmikan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam pada 25 Februari 2002.

Muzium yang dibuka setiap hari bermula jam 10 pagi hingga 10 malam itu memiliki aset bernilai RM800,500 bagi nilai barangan dengan RM160,000

nilai bangunan dan RM140,000 tempat kediaman.

Namun apa yang menjadi persoalan sekarang ialah kesemua barangan dan bangunan muzium terbabit tidak dilindungi insurans sehingga ia boleh mengundang padah kepada warisan bangsa dan negara jika berlaku sebarang kejadian tidak diingini.

Nordin berkata, beliau tidak mampu membeli insurans bagi menampung kos dan aset berkenaan sambil men-galu-alukan sebarang usaha melindungi nilai sejarah yang disimpan di situ untuk tatapan generasi akan datang.

Agak menyedihkan apabila muzium milik bekas pesara kerajaan itu bersama isterinya, Maznah Ali, 48, turut tidak dipasang sistem kawalan kebakaran

**“***Saya sememangnya mengharapkan ada pihak akan tampil membantu untuk memberi perhatian kepada sistem keselamatan dan pemantauan bahan terbabit termasuk dari aspek pengurusan kawalan kebakaran”*

**Nordin Ali**

*Pemilik Rumahku Muziumku*

termasuk tiadanya alat pemadam api, sekiranya berlaku kebakaran kecil di rumah separuh papan itu.

“Saya sememangnya mengharap-kan ada pihak akan tampil membantu untuk memberi perhatian kepada sistem keselamatan dan pemantauan bahan terbabit termasuk dari aspek pengurusan kawalan kebakaran.

“Malah jika boleh, ada pihak sudi membantu menempatkan beberapa unit video kamera atau CCTV untuk pemantauan kecurian peralatan dan barangan berkenaan.” katanya.

Nordin mendakwa, sejak muzium itu dibuka, beliau sudah kerugian lebih RM3,000 berikutan kehilangan barangan berharga termasuk tapak sirih yang berusia lebih 100 tahun yang hilang daripada simpanan baru-baru ini, dipercayai dibawa keluar oleh pelawat yang meng-unjungi muzium berkenaan.

Nordin amat kesal dengan kehilan-gan barangan bernilai berkenaan terutama selepas kerajaan negeri mem-berikan peruntukan untuk membaik pulih muzium terbabit.

Kerajaan negeri menerusi Perbadanan Muzium Melaka (Perzim) katanya, baru saja memberikan perun-tukan untuk mengecat, membaik pulih atap, menurap tar di halaman rumah serta memperbaiki longkang berjumlah RM40,000.

Selain tapak sirih berkenaan barangan lain yang hilang termasuk 4 unit kacap tembaga, 2 unit paip temb-akau, tempayan naga yang berusia lebih 100 tahun serta sebilah keris lama, selain telefon bimbitnya yang turut hilang.

**FAKTA NOMBOR**

'Rumahku Muziumku'



**RM800,500**

Nilai barang

**RM160,000**

Nilai bangunan

**RM140,000**

Nilai tempat kediaman



**MENGAGUMKAN:** Pelancong Filipina tertarik dengan bahan yang dipamerkan.